

OSTEOCAP CAPSULE

Calcitriol (0.25 mcg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Osteocap Capsule
2. Bagaimana Osteocap Capsule berfungsi
3. Sebelum menggunakan Osteocap Capsule
4. Cara menggunakan Osteocap Capsule
5. Semasa menggunakan Osteocap Capsule
6. Kesan-kesan Sampingan
7. Cara Penyimpanan dan Pelupusan Osteocap Capsule
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apakah kegunaan Osteocap Capsule

Osteocap Capsule digunakan untuk merawat perkara berikut:

- *Osteoporosis* (tulang yang semakin lemah di kalangan wanita) selepas menopause.
- *Renal osteodystrophy* (Penyakit tulang yang disertai dengan kegagalan buah pinggang yang serius dan sedang menjalani dialisis).
- *Hypoparathyroidism* (Kemosotot fungsi kelenjar paratiroid)
- *Rickets* yang disebabkan oleh rintangan atau kebergantungan terhadap vitamin-D.

Bagaimana Osteocap Capsule berfungsi

Osteocap Capsule mengandungi calcitriol iaitu bentuk aktif Vitamin D3.

Kapsul Osteocap berfungsi dengan menggalakkan penyerapan lebih banyak kalsium daripada diet anda. Suplemen ini membantu untuk membentuk tulang yang sihat dan mengurangkan kerosakan tulang.

Sebelum menggunakan Osteocap Capsule

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil Osteocap Capsule jika;

- Anda alah kepada calcitriol atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (seperti disenaraikan dalam Maklumat Lanjut Produk).

- Anda menghidap sebarang penyakit yang berkaitan dengan peningkatan paras kalsium darah (*hypercalcemia*).

- Anda mengalami ketoksikan Vitamin D

- Sebelum mula menggunakan Osteocap Capsule

Mengandung dan menyusukan anak
Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengandungi, merancang untuk mengandungi atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat.

Anda perlu memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda:

- Mempunyai kegagalan fungsi buah pinggang.
- Baru sahaja selesai pembedahan.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Maklumkan doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil sebarang ubat terutamanya seperti berikut:

- Suplemen lain yang mengandungi vitamin D seperti *ergocalciferol*, kalsium atau fosfat.
- Diuretik (digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi) cth.: thiazide.
- Digitalis (digunakan untuk merawat penyakit jantung).

- Antasid yang mengandungi magnesium (digunakan untuk merawat masalah pencernaan).
- Phenytoin atau phenobarbital (digunakan untuk merawat penyakit sawan).
- Colestyramine (digunakan untuk merawat paras kolesterol yang tinggi dalam darah).

Cara menggunakan Osteocap Capsule

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa banyak harus diambil

- Rawatan calcitriol perlu dimulakan dengan dos terendah yang mungkin dan tidak boleh ditingkatkan tanpa pemantauan yang teliti terhadap paras kalsium dalam darah.

- Semasa anda mengambil Osteocap, doktor anda akan mengarahkan anda untuk menjalani ujian darah secara berkala untuk memastikan paras kalsium dalam darah anda tidak meningkat terlalu tinggi.

- Memandangkan penyerapan kalsium yang lebih baik dari saluran gastrousus, sesetengah individu yang mengambil *calcitriol* boleh dikekalkan dengan pengambilan kalsium yang lebih rendah.

- Jika anda cenderung mengalami hiperkalsemia, anda mungkin hanya memerlukan dos kalsium yang rendah sahaja atau langsung tidak memerlukan suplemen kalsium. Jumlah pengambilan kalsium harian (iaitu daripada makanan dan ubat-ubatan) hendaklah dalam purata kira-kira 800 mg dan tidak boleh melebihi 1000 mg.

- ***Osteoporosis selepas menopause***
Dos biasa ialah 1 kapsul dua kali sehari.

- ***Renal osteodystrophy***
Dos permulaan ialah 1 kapsul sekali sehari. Individu yang mempunyai paras kalsium serum

OSTEOCAP CAPSULE

Calcitriol (0.25 mcg)

normal atau hanya sedikit penurunan, dos sebanyak 1 kapsul selang hari adalah mencukupi. Sekiranya tiada respons yang memuaskan diperhatikan dalam masa 2-4 minggu, dos boleh ditingkatkan sebanyak 1 kapsul sekali sehari setiap 2 hingga 4 minggu. Kebanyakan individu mendapat respons di antara 2 dan 4 kapsul sekali sehari.

- **Hypoparathyroidism dan Rickets**
Dos permulaan ialah 1 kapsul pada waktu pagi. Dos boleh ditingkatkan setiap 2 hingga 4 minggu.
- **Warga emas:** Tiada pengubahsuaian dos tertentu diperlukan pada warga emas. Pemantauan tahap kalsium dan kreatinina dalam darah disyorkan.

- Bila perlu diambil

Osteocap Capsule boleh diambil dengan atau tanpa makanan

- Berapa lama perlu diambil

Ambil ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika anda terlupa mengambil

- Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya mengikut jadual seperti biasa.
- Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil secara berlebihan (terlebih dos)

- Keracunan vitamin D boleh berlaku selepas pengambilan Vitamin D yang berlebihan, yang akan menyebabkan tahap kalsium tinggi dalam darah.
- Anda mungkin mengalami simptom-simptom seperti gangguan makan, sakit kepala, muntah-muntah, sembelit, kelemahan atau lemah otot, demam dengan dahaga, kencing

berlebihan dan jangkitan saluran kencing.

- Hentikan penggunaan dan hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa anda, mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Osteocap Capsule

- Perkara yang perlu dilakukan

- Maklumkan semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda yang anda sedang mengambil Osteocap Capsule.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan hentikan pengambilan Osteocap Capsule secara tiba-tiba atau mengubah dos tanpa berbincang dengan doktor anda. Doktor anda akan memberikan nasihat terbaik untuk mengurangkan dos Osteocap Capsule secara perlahan-lahan sebelum berhenti sepenuhnya.
- Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan memberi Osteocap Capsule kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

- Jika anda mempunyai fungsi buah pinggang normal dan mengambil calcitriol, anda perlu mengelakkan kekurangan air dalam badan dengan memastikan pengambilan cecair yang mencukupi.
- Berhati-hati ketika memandu atau mengendalikan jentera sehingga anda mengetahui kesan Osteocap terhadap anda.

Kesan-kesan Sampingan

- Seperti semua ubat, Osteocap Capsule boleh menyebabkan kesan-kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.
- Produk ini boleh menyebabkan gangguan makan, sakit kepala, muntah, sembelit, kelemahan atau lemah otot, demam dengan dahaga, kencing berlebihan dan jangkitan saluran kencing.
- Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web <http://npra.gov.my> [Consumers→Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara Penyimpanan dan Pelupusan Osteocap Capsule

- Penyimpanan

Simpan pada suhu di bawah 30°C di tempat yang kering, jauh dari cahaya matahari langsung. Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut

- Rupa dan warna produk

Kapsul gelatin legap yang lembut, berbentuk bujur, dan berwarna merah dan putih.

OSTEOCAP CAPSULE

Calcitriol (0.25 mcg)

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan Aktif

Calcitriol

- Bahan Tidak Aktif

Butylated Hydroxyanisole, Iron oxide yellow, Iron Oxide Red, Titanium Dioxide, Glycerin, fractionated coconut oil, Sorbitol 70% solution, Gelatin, Purified Water, BHT (Butylated Hydroxytoluene).

- Nombor MAL

MAL05092239X

Pengilang

Mega Lifesciences Public Company Limited

384, Moo4, Soi6, Pattana 3 Road, Bangpoo Industrial Estate, Phraeksa, Mueang, Samutprakan 10280 Thailand.

Pemegang Pendaftaran Produk

Mega Lifesciences Sdn Bhd
B-28-02, The Ascent, Paradigm.
No.1, Jalan SS7/26A, Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.

Tarikh kemas kini RiMUP

06/09/2024

Nombor Siri

NPRA(R4/1)220324/00045